



## Call to Industry (CTI)

<b>PERKARA</b>	PENYELIAAN TAPAK-TAPAK PEMBINAAN		
<b>DIKELUARKAN OLEH</b>	PERLESENAN		
<b>TARIKH DIKELUARKAN</b>	29 OKTOBER 2022	<b>TARIKH MANSUH</b>	-
<b>NO PINDAAN</b>	02		

### **TUJUAN:**

Call to Industry (CTI) ini berfungsi sebagai notis makluman kepada semua syarikat-syarikat pembinaan mengenai dengan penyeliaan di tapak-tapak pembinaan berkaitan dengan penempatan anjing terbiar dan tidak bertuan di tapak-tapak pembinaan.

Pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaaan adalah dengan ini memaklumkan bahawa terdapat laporan mengenai anjing-anjing terbiar dan tidak bertuan ditempatkan di kawasan pembinaan sepanjang tempoh pembinaan dan ditinggalkan sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan selesai dan menjadi terbiar sehingga mengganggu ketenteraman awam dan mengakibatkan kecederaan. Sebagai sebahagian dari cara pengawalan dan pencegahan mengenai perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Negeri telah menyarankan agar syarikat-syarikat pembina / kontraktor untuk **tidak membawa dan memelihara anjing-anjing tersebut ke tempat projek dan tapak pembinaan.**

Pihak syarikat hanya dibolehkan untuk membawa anjing peliharaan yang telah dilesenkan bagi tujuan untuk menjaga harta benda syarikat ke tapak-tapak pembinaan. Perlesenan anjing adalah seperti mana kehendak peruntukan di bawah Bab 2 dari Akta Anjing Penggal 60, dibawah bidangkuasa Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu bagi anjing-anjing yang telah berumur 3 bulan sebelum bulan Februari pada setiap tahun. Perlesenan boleh dibuat di Jabatan-Jabatan Bandaran di setiap daerah mengikut kawasan kawalan projek pembinaan.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap syarikat bagi memastikan anjing-anjing peliharaan tersebut dijaga dan dikawal dalam kawasan yang ditetapkan, tidak mengganggu pekerja / kerja di tapak bina, untuk dibawa keluar daripada tapak-tapak pembinaan sebaik saja kesiapan projek dan tidak ditinggalkan atau dibiarkan sehingga terbiar dan tidak bertuan.

**Bagi keterangan lanjut, sila hubungi**

**Emel: ABCi.customerservice@mod.gov.bn**  
**Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365**

**- TAMAT -**



## Call to Industry (CTI)

<b>TOPIC</b>	MANAGEMENT OF CONSTRUCTION SITES		
<b>ISSUED BY</b>	LICENSING		
<b>ISSUE DATE</b>	29 OCTOBER 2022	<b>EXPIRY DATE</b>	
<b>REVISION NO</b>	02		

### PURPOSE:

This Call to Industry (CTI) serves as a notice to inform all construction companies with regards to management of construction sites in relation to the placement of stray dogs or unowned dogs at construction sites.

The Authority on Building and Construction Industry would like to inform that there have been reports of stray dogs or dogs not under the direct supervision or care of its owner being placed in construction sites throughout construction period and abandoned as soon as the construction work is completed which in turn causing public disturbances as well as causing harm or injuries. As part of a control and prevention measure, the Ministry of Home Affairs is recommending for construction companies / contractors **not to bring in and keep such dogs to their project site(s).**

Construction companies are only allowed to bring their own dogs for the purpose of guarding company property at their construction sites providing that the dogs are licensed as provisioned under Chapter 2 of the Dog Act Chapter 60 as per required by the Municipal Department, Ministry of Home Affairs. Licensing can be done at the District's Municipal Departments according to the respective project construction area.

It is the responsibility of each company to ensure that the dogs are secured within their designated area, not disturbing the workers / works on site and to be taken out from the construction sites after the completion of project and not left abandoned.

**For further clarifications, please contact**

**Email: ABCi.customerservice@mod.gov.bn**

**Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365**

**- END -**